

Aidilfitri dijangka 16 Disember

ALOR STAR, Selasa – Umat Islam di negara ini dijangka menyambut Aidilfitri pada 16 Disember ini (Ahad) berdasarkan perkiraan ilmu falak.

Pensyarah Ilmu Falak Syarie, Institut Agama Islam Negeri Kedah (Insaniah), Abdul Ghani Salleh, berkata berdasarkan pengiraan rukyah, penentuan sama ada anak bulan Syawal kelihatan atau tidak dilakukan pada petang Sabtu, 15 Disember ini, bersamaan 29 Ramadan 1422 Hijrah.

Beliau berkata, pada hari itu, matahari dijangka terbenam kira-kira jam 7.09 malam manakala anak bulan Syawal dijangka terbenam jam 7.37 malam.

“Kemunculan anak bulan Syawal yang dilakukan melalui kaedah mencerap atau meneropong boleh dilihat selama 28 minit,” katanya.

Beliau berkata, anak bulan Syawal ketika itu berada pada altitud lebih lima darjah di atas ufuk, iaitu menepati syarat melihat anak bulan yang dipersetujui Majlis Agama Islam Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura.

Bagaimanapun katanya, ketetapan penentuan 1 Syawal akan diisytiharkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Melayu pada malam 15 Disember.